

Pendidikan Bersepadu Di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor

Zetty Nurzuliana Rashed

zetty@kuis.edu.my

Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Ab. Halim Tamuri

tamuri67@gmail.com

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Siti Suhaila Ihwani

suhailanas@gmail.com

Universiti Teknologi Malaysia

Nor Saleha Mohd Salleh

norsaleha@kuis.edu.my

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Julia Madzalan

julia@kuis.edu.my

Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Keperluan kepada sistem pendidikan yang berasaskan kepada kesepaduan ini mempunyai impak yang signifikan dalam membentuk perwatakan dan sahsiah murid ke arah memahami al-Quran seterusnya melahirkan generasi al-Quran. Generasi al-Quran yang dimaksudkan ini merupakan generasi yang faham agama dan tidak tenggelam dalam arus kemewahan dan kebendaan. Generasi ini dibimbing oleh al-Quran dan dididik dengan nilai kemuliaan dan budi pekerti yang luhur yang terkandung dalam ajaran Islam. Generasi ini adalah diharap sebagai pembina tamadun yang mampu menghayati kerohanian Islam secara dinamik dan positif. Generasi ini akan menguruskan perubahan yang berlaku dalam masyarakat kita berasaskan kepada pembangunan insan dan roh Islam. Ia bersesuaian dengan tujuan utama pendidikan Islam untuk melahirkan insan soleh. Justeru kajian ini bertujuan untuk meneroka latar belakang, kurikulum dan sistem pendidikan tahfiz yang mengintegrasikan al-Quran dan ilmu akademik di maahad tahfiz sains. Kajian ini menggunakan kaedah temubual dan analisis dokumen terhadap kurikulum pendidikan holistik di Maahad Tahfiz Sains negeri Selangor. Hasil kajian mendapati pendidikan tahfiz sains telah melaksanakan pendidikan secara holistik berdasarkan kepada pelbagai aktiviti kurikulum dan kokurikulum sama ada di dalam kelas formal atau non formal.

Kata Kunci : integrasi, *naqli*, *aqli*, tahfiz sains, pendidikan holistik

ABSTRACT

The needs towards integrated based education system has a significant impact in shaping students' characteristic and personality towards understanding the Qur'an and producing Quranic generation. The Quranic generation in this context is the generation that understand religion and not immersed in the current wealth and material temptation. This generation is under the guidance of the Qur'an and educated with dignity and pillar of the noble teachings of Islam. This generation is expected as builders of civilizations whom are able to appreciate Islamic spirituality dynamically and positively. This generation will manage changes that happen in our society based on human development and the spirit of Islam. It is in accordance with the primary purpose of Islamic education to produce good human. Thus, this study aims to explore the background, curriculum and tahfiz educational system that integrates al-Quran and academic knowledge in science maahad tahfiz. This study use interviews and document analysis of holistic education curriculum in Science Maahad Tahfiz in Selangor. The findings of this study found that science tahfiz education has implemented holistic education based on various curriculum and co-curriculum activities whether in formal or non formal class.

Keywords : integration, naqli, aqli, science tahfiz, holistic education

Received: 10 June 2018

Accepted: 28 June 2018

Online Published: 30 June 2018

PENDAHULUAN

Pengintegrasian ilmu *aqli* dan *naqli* merupakan satu tuntutan dan perkara ini selari dengan Falsafah Pendidikan Negara yang memberi penekanan kepada pengintegrasian ilmu secara holistik. Dalam konteks pelajar tahfiz, mereka menerima kedua-dua ilmu melalui kurikulum akademik, kurikulum dini, kurikulum tahfiz. Namun, kurikulum ini disusun secara terpisah mengikut mata pelajaran yang telah ditetapkan. Oleh itu, pengintegrasian ilmu perlu dilakukan oleh pendidikan iaitu guru sebagai pelaksana kepada kurikulum itu. Bagi mengintegrasikan ilmu, pendidik perlu menguasai kedua-dua ilmu iaitu ilmu *aqli* dan *naqli* di samping kemahiran pedagogi dalam melaksanakan pengintegrasian ini. Namun, masalah yang dihadapi ialah pendidik dalam bidang Pendidikan Islam berkemungkinan kurang mampu untuk menguasai ilmu sains secara lebih mendalam.

Dewasa ini ramai dalam kalangan ibu bapa yang memilih untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah berasaskan pendidikan Islam dan tahfiz. Justeru permintaan yang semakin meningkat, maka banyak pihak telah tampil untuk menawarkan pelbagai jenis sistem dan kurikulum pendidikan Islam dan tahfiz. Di negeri Selangor, pendidikan Islam dan tahfiz sangat giat ditawarkan samada oleh pihak kerajaan melalui Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mahupun persatuan tahfiz dan orang perseorangan. Artikel ini membincangkan tentang pendekatan pendidikan holistik dalam Sistem Pendidikan Integrasi Dan Holistik Negeri Selangor (IHES) yang digunapakai di Maahad Tahfiz negeri Selangor. Berdasarkan fakta sejarah, terdapat usaha-usaha yang dijalankan oleh golongan terawal dalam bidang pendidikan

al-Quran khususnya bidang tahfiz al-Quran yang telah menjadi platform kepada perkembangan pendidikan tahfiz semasa.(Che Noraini Hashim, 2008). Memandangkan keperluan pasaran serta tuntutan semasa maka Sistem Pendidikan Integrasi dan Holistik Negeri Selangor (IHES) dilihat amat bertepatan dengan permintaan untuk melahirkan pelajar yang mendalami al-Quran dalam masa yang sama dibentuk dengan kurikulum yang seimbang dan menyeluruh melalui pengintegrasian potensi insan, kepelbagaian kurikulum dan media.

Konsep integrasi atau kesepaduan ini berkait dengan satu himpunan konsep hubungkait, cantuman, saling hubungan, gabung jalin, penyambungan, kesinambungan, penyelarasan, pertalian, perkaitan, interaksi, kerjasama, merentas disiplin, kesalingbergantungan dan penyatuan (Ingram 1979) dalam Noor Hisham (2015). Konsep integrasi atau holistik ini berbeza sama sekali dengan takrifan Barat. Dalam Islam, konsep integrasi ini berpaksikan prinsip tauhid, manakala konsep integrasi Barat pula berpaksikan perspektif sekular dan materialis.

Pengintegrasian ilmu atau pendidikan bersepadu menurut Syed Naquib Al-Attas (1981) dikenali sebagai konsep pendidikan bersepadu apabila beliau mula memperkenalkan konsep 'pengislaman ilmu'. Menurut al-Attas, ilmu terbahagi kepada dua bahagian iaitu ilmu yang diberi oleh Allah S.W.T dan ilmu yang diperolehi oleh insan berdasarkan kepada usaha aqliahnya sendiri. Al-Faruqi (1989) juga menjelaskan pengislaman ilmu pengetahuan adalah penting sebagai satu gerak kerja bagi menyatupadukan kedua-dua sistem pendidikan iaitu moden dan Islam. Di mana-mana bidang ilmu sama ada pemikiran, kemanusiaan, sains kemasyarakatan ataupun sains tulen perlu diberi satu perubahan yang menyeluruh dengan diberikan dasar Islam, diletakkan matlamat yang selaras dengan Islam, disusun semula dengan menerapkan prinsip-prinsip Islam dalam kaedah, strategi, data, masalah, objektif serta aspirasinya. Al-Attas dan Al-Faruqi (1982) juga menjelaskan peranan Islamisasi ilmu menangani permasalahan dualisme yang menguasai pemikiran dan kehidupan masyarakat Islam.

Berdasarkan Forum Pendidikan Bersepadu (1984), Tajul Ariffin dan Abdul Raof Dalip (1986) merumuskan takrif pendidikan sepadu sebagai pendidikan yang bersumberkan al-Quran dan Hadith di samping adanya integrasi disiplin-disiplin ilmu ke arah membina komuniti ummah yang berteraskan akidah. Abd. Halim El-Muhammady (1985) telah menjelaskan bahawa pendidikan bersepadu merupakan satu proses mendidik dan melatih aqliah, jasmaniah dan rohaniah manusia berasaskan kepada nilai-nilai Islam bersumberkan wahyu Allah S.W.T iaitu al-Quran dan as-Sunnah bagi melahirkan manusia yang bertakwa dan mengabdikan diri kepada Allah S.W.T.

Manakala Shahrir Mohd Zain dan Abd. Latif (1987) telah menyatakan bahawa pendidikan sepadu sebagai 'pendidikan yang terkamir' yang bermaksud pendidikan yang menekankan kepada kesatuan ilmu pengetahuan dan bukannya pendidikan yang khusus dan sempit. Dengan adanya usaha menjaga kepentingan jasmani dan rohani, penerapan ilmu dan pembentukan sikap, seseorang itu menjadi insaf serta dapat berfikir dengan matang sesuai dengan fitrahnya yang suci. Tuntutan Allah S.W.T supaya ilmu dan pemikiran manusia diintegrasikan dengan iman kepada Allah S.W.T adalah bertujuan membolehkan para ilmuwan, para sarjana, pemikir dan intelektual membangunkan diri, masyarakat dan alam ini selaras dengan usaha

mengabdikan diri kepada Allah S.W.T serta menyempurnakan amanah sebagai khalifah Allah S.W.T (Mohd Kamal Hasan, 1985). Kemudiannya Tajul Ariffin (1988) mentakrifkan pendidikan sepadu sebagai gabungan pendidikan moden dan pendidikan Islam tradisional. Pendidikan sepadu dikaitkan dengan keperluan manusia untuk menjalinkan hubungan secara vertikal (Tuhan) dan horizontal (sesama manusia dan dirinya sendiri serta makhluk lain). Untuk itu, manusia perlu mempelajari ilmu agama, ilmu kemanusiaan dan ilmu sains tabii. Ketiga-tiga jenis ilmu ini penting bagi membolehkan manusia menjayakan perhubungan yang betul dan harmonis dengan Tuhan Maha Pencipta, dirinya sendiri dan manusia lain serta alamnya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen terhadap beberapa dokumen seperti sukatan pelajaran JAIS, buku kurikulum Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk mendapatkan maklumat tentang pendidikan holistik di Maahad Tahfiz negeri Selangor. Dua buah sekolah telah dijadikan sebagai sampel kajian iaitu Maahad Tahfiz Sains I (MTS I) dan Maahad Tahfiz Sains II (MTS II). Kedua-dua Maahad Tahfiz ini adalah sekolah yang menggunakan aliran kurikulum tahfiz sains sepenuhnya.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Maahad Tahfiz Sains di Selangor

Maahad Tahfiz Sains yang terdapat di negeri Selangor ini terletak di tempat yang strategik, mudah dimasuki serta menyenangkan pengkaji membuat kunjungan. Maahad Tahfiz Sains I (MTS I) ini mempunyai seramai 47 orang guru dan 293 orang murid. Pengambilan pelajar dari latar belakang keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang cemerlang merupakan asas untuk diterima masuk di samping temuduga khas untuk kemasukan. Selain itu keputusan Peperiksaan Sekolah Rendah Agama (PSRA) yang cemerlang merupakan asas utama pemilihan. Atas dasar pemilihan murid yang cemerlang dari sudut bidang akademik dan agama, maka dijangkakan kurikulum dan sistem yang ditawarkan ini berjaya diikuti oleh murid yang terpilih.

Bangunan-bangunan di maahad tahfiz ini kelihatan agak baharu memandangkan sekolah ini ditubuhkan pada tahun 2008, bangunan sekolah ini masih kukuh dan dalam keadaan yang baik. Manakala di Maahad Tahfiz Sains II (MTS II) pula mempunyai bilangan guru 45 orang guru dan bilangan murid seramai 260 orang dan terletak di Alam Impian, Shah Alam. Penjelasan dengan lebih terperinci berkaitan kedua-dua maahad tahfiz ini adalah seperti berikut:

i. Latar Belakang MTS1

Sekolah MTS I ini merupakan sebuah sekolah yang menggunakan aliran kurikulum tahfiz sains. Pada 28 Januari 2008, MTS1 mula beroperasi dengan pengambilan sulungnya seramai 58 orang murid terpilih dari seluruh negeri Selangor berdasarkan keputusan cemerlang iaitu 5A dalam

peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan keputusan mumtaz dalam Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) di peringkat sekolah rendah.

MTS I ini merupakan sekolah pilihan bagi murid-murid yang ingin melanjutkan pelajaran dalam aliran agama dan tahfiz sains. Sekolah ini membuka pengambilan murid seramai 60 orang setahun dari tingkatan satu dengan melaksanakan kurikulum Pendidikan Islam JAIS, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (aliran sains tulen) dan kelas tahfiz al-Quran. Murid yang ingin melanjutkan pelajaran ke tingkatan satu di sekolah ini perlu membuat permohonan dan akan melalui beberapa proses saringan terlebih dahulu. Hanya murid yang mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) dan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) sahaja yang akan dipilih kerana permohonan kemasukan ke sekolah ini amat tinggi. Setiap tahun jumlah saringan untuk ditemuduga adalah seramai 150 orang. Namun begitu jumlah murid yang dipilih hanyalah sebanyak 60 orang sahaja yang terdiri dari 30 orang murid lelaki dan 30 orang murid perempuan.

Terdapat beberapa syarat kemasukan yang perlu dipatuhi oleh ibubapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah MTS I. Murid-murid perlulah bertaraf rakyat Selangor, mendapat mumtaz dalam ujian PSRA, mendapat sekurang-kurangnya 4A 1B dalam UPSR serta lulus temuduga Ujian *Syafawi* dan *Tahriri* di bawah kendalian Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Pemilihan lebih berpihak kepada anak-anak dan ibu bapa yang dilahirkan di negeri Selangor. Terdapat pelbagai keistimewaan yang ditawarkan kepada murid-murid di MTS I. Antaranya seperti elaun atau 'duit poket' sebanyak RM150 sebulan daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan RM700 hingga RM1000 setahun daripada Yayasan Selangor. Selain itu, bayaran makan asrama sebanyak RM10.50 sehari juga adalah percuma dan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Seiring dengan objektifnya untuk melahirkan saintis dan profesional yang menghafaz dan menghayati al Quran, MTS I menjunjung misi untuk mendidik dan membentuk generasi al-Quran bertaqwa yang ikhlas, berilmu, beramal, berakhlak mulia, dan berketrampilan, melalui sistem pendidikan yang komprehensif, integrasi dan holistik atau *Integrated Holistic Education System* (IHES) berasaskan pengurusan berkualiti serta berperanan sebagai khalifah di muka bumi. Operasi MTS I ini bermula pada 28 Januari 2008 secara rasmi dengan pengambilan murid seramai 60 orang untuk mengikuti pengajian tahfiz dan sains.

MTS I mempunyai kemudahan pembelajaran yang lengkap dan sentiasa ditambahbaik. Sebuah blok pentadbiran lengkap, dua buah blok bangunan kelas, dua blok tiga tingkat dan dua buah blok empat tingkat bangunan asrama, makmal sains, makmal ICT, dewan makan dan kantin memberi keselesaan kepada guru-guru dan murid-murid. Sehingga tahun 2012, seramai 343 orang murid belajar di sini. MTS I mengamalkan pelaksanaan sistem pendidikan integrasi dan holistik. Asas yang mesti ada pada diri setiap pengajar dan murid di sini ialah ikhlas. Pendekatan yang digunakan pula ialah secara berhikmah, pelaksanaan ukhuwwah, *tarbiyyah* serta berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah. Sehingga kini pada tahun 2015 MTS I ini mempunyai 293 orang murid.

Setakat ini MTS I merupakan sekolah yang terbaik di Kuala Langat dalam peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA) dan Sijil Menengah Agama Tahfiz al-Quran (SMATQ). Di MTS I juga amat mementingkan kepada aktiviti ko-kurikulum seperti sukan memanah, berenang dan taekwondo adalah wajib kepada setiap murid. MTS I juga turut mencatat pencapaian terbaik di dalam Hafazan, Tilawah al-Quran, Pidato, Syarahan dan sebagainya. Pihak MTS I sentiasa ingin murid-muridnya seimbang di dalam pembelajaran, sukan dan aktiviti-aktiviti membina keyakinan diri. Pada tahun 2012 seramai 60 orang murid berjaya khatam 30 Juzuk al-Quran. Ini merupakan kejayaan melalui pelaksanaan sistem baru hafazan iaitu dengan kaedah *Jadid, Usbu'iyah, Qodimah dan Ithbat*.

Selain pencapaian akademik, murid-murid di sekolah ini juga aktif mengambil bahagian dalam beberapa kejohanan peringkat daerah. Beberapa orang murid terpilih untuk mewakili daerah dalam bidang olahraga, catur, tadarus dan hafazan al-Quran dan sebagainya. Sekolah ini sering menerima pelawat dari luar negara seperti Indonesia, Singapura, Iran, dan lain-lain untuk melihat pengendalian sekolah aliran agama tahfiz sains di Malaysia. Di samping itu, banyak sekolah aliran agama dalam negara turut membuat lawatan penanda aras ke sekolah ini untuk melihat kecemerlangan dan mempelajari daripada guru-guru yang berpengalaman. Di samping itu juga sekolah ini mendapat sokongan yang kuat daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan Alumni.

Semasa sesi pendaftaran, murid hanya perlu membayar RM400 hingga RM500 untuk sekali sahaja sepanjang lima tahun di MTS I untuk aktiviti-aktiviti seperti sukan, persatuan dan kelab serta amal Islami. Pada permulaan sesi pengajian semua murid tingkatan satu wajib mengikuti Program Jati Diri Insan Rabbani. Pengisiannya ialah Bengkel Mengenal Diri, Bengkel Penghayatan Ibadah Khususiah, Bengkel Peningkatan Sahsiah Murid. Program ini sememangnya satu persediaan terbaik buat murid-murid yang bakal memasuki dunia tahfiz dan sains yang seimbang. Mereka akan dipersiapkan dengan rohani dan fizikal yang mantap bagi menempuh kehidupan pengajian di MTS I. Kebanyakan lepasan dari MTS I ini berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi di dalam dan luar negara. Terdapat sebahagiannya berjaya mengambil jurusan perubatan, jurusan kejuruteraan di luar negara seperti di Rusia, Timur Tengah Jepun dan sebagainya. Dari semasa ke semasa MTS I terus menambahbaik prasarana dan sistem pembelajaran demi melahirkan generasi al-Quran yang berjaya dunia dan akhirat.

ii. Latar Belakang MTS II

Sekolah MTS II pula memulakan sesi pembelajaran pada 19 Januari 2009. MTS II ini terletak di Alam Impian, Shah Alam. MTS II ini adalah merupakan maahad kedua selepas MTS I di Bandar Jugra, Kuala Langat.

Pembukaan MTS II ini amat dinanti-nantikan oleh ibu bapa dan penduduk Selangor yang kini semakin gemar memilih institusi tahfiz sebagai pilihan untuk anak-anak mereka. Permintaan yang tinggi terhadap sekolah-sekolah menengah agama berasaskan kurikulum tahfiz sains ini adalah sebagai kesinambungan kepada pembelajaran agama di sekolah rendah dan Kelas Agama Fardhu Ain (KAFA) yang membawa kepada pembukaan maahad tahfiz ini.

Proses pemilihan bagi pengambilan pertama murid telah dilakukan melibatkan ujian bertulis dan ujian hafazan. Kelayakan akademik untuk memasuki MTS II ini ialah pelajar mesti memperoleh keputusan cemerlang 5A di dalam peperiksaan UPSR dan mendapat *Mumtaz* di dalam peperiksaan PSRA dengan peratus minima 95%. Pemilihan yang ketat ini adalah bertujuan bagi memastikan pelajar yang benar-benar layak dan berkeupayaan sahaja dapat belajar di MTS II ini. Kos pembiayaan makan dan tempat tinggal murid ditanggung sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Pemilihan untuk ke sekolah MTS II ini adalah sama dengan amalan pemilihan murid di MTS I.

MTS II telah mengadakan Majlis Bacaan Yaasin dan solat hajat sempena pembukaannya pada sesi pembelajaran tahun 2009. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Dr. Halimah Mohd Ali, turut hadir dalam majlis ini ialah Tuan Hj Mohd Amir bin Danuri Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Islam JAIS, pegawai-pegawai JAIS, pegawai Bahagian Pendidikan Islam JAIS dan juga guru-guru serta penduduk kampung berhampiran.

Konsep pendidikan holistik yang digunakan dalam kurikulum MTS II ini membolehkan pelajar dapat mempelajari tiga sistem pendidikan iaitu sukatan al-Azhar, sukatan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan sukatan tahfiz. Ia akan membantu melahirkan satu generasi ulama' dan protaz (profesional dan ustaz) yang cemerlang dari aspek akademik dan pengetahuan agama. Al-Quran bukan sahaja dapat dibaca dan dihafaz bahkan dapat diamalkan sehingga menjadi darah daging dalam kehidupan seharian.

Di MTS II juga amat mementingkan kepada aktiviti ko-kurikulum seperti sukan memanah, berenang dan taekwondo yang diwajibkan kepada setiap murid. MTS II juga turut mencatat pencapaian terbaik di dalam hafazan, tilawah al-Quran, pidato, syarahan dan sebagainya yang setanding dengan MTS I. Pihak pentadbir di MTS II ini amat mementingkan penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Mereka juga sentiasa ingin murid-muridnya seimbang di dalam pembelajaran, sukan dan aktiviti-aktiviti membina keyakinan diri.

Kesimpulannya, kedua-dua buah sekolah yang dikaji ini mempunyai persekitaran sekolah yang selesa, bersih dan harmoni dan berupaya menjadikan keadaan pengajaran dan pembelajaran berjalan seperti yang dirancang. Secara ringkasnya, kajian mendapati budaya dan persekitaran sekolah serta sistem IHES yang diamalkan di MTS I dan MTS II ini telah memainkan peranan penting dalam mendorong pengintegrasian ilmu sains dan al-Quran dalam kalangan murid.

iii) Kurikulum di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor

Setiap murid yang mendaftar di kedua-dua maahad tahfiz sains ini diwajibkan mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi lima jenis kurikulum yang mampu meningkatkan dan menyuburkan potensi insan serta mencapai kesejahteraan kehidupan dunia dan akhirat. Kurikulum ini bermula dari tingkatan satu sehingga tingkatan lima. Kurikulum yang diamalkan adalah seperti berikut (Bahagian Kurikulum JAIS, 2014):

1. Kurikulum teras atau kurikulum tahfiz (*core curriculum*).
2. Ko kurikulum (*co curriculum*) seperti berkuda, memanah dan berenang dan lain-lain.
3. Kurikulum tambahan seperti kurikulum program Jati diri dan Program *Tafaqquh*.
4. Kurikulum kebangsaan seperti KBSM.
5. Kurikulum antarabangsa atau kurikulum Pendidikan Islam JAIS (sukatan al-Azhari) seperti Nahu/ *Sorof, Insha', Tafsir, Hadis, Feqah, Tauhid, al-Quran dan Sirah*.

Perincian terhadap kurikulum tahfiz di atas adalah seperti penerangan dalam Jadual 1.0 Kurikulum Tahfiz di bawah:


Jadual 1.0 Kurikulum Tahfiz

Tingkatan	Hafazan
1	7 Juzuk (juzuk 30, 29, 28, 27, 26, 1 dan 2) & Surah Yasin dan Surah As-Sajdah
2	8 Juzuk (juzuk 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, dan 10)
3	7 Juzuk (juzuk 11, 12, 13, 14, 15, 16 dan 17) + Penilaian Menengah Rendah (PMR)
4	8 Juzuk (juzuk 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24 dan 25)+ Sijil Menengah Agama (SMA)
5	Mengulangkaji hafazan juzuk 1 hingga 30 (+ Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi al-Quran)
Nota	Murid menghafaz al-Quran berdasarkan kemampuan

Sumber: Bahagian Kurikulum Jabatan Agama Islam Selangor, 2014

iv) Sistem Pendidikan Integrasi Dan Holistik Negeri Selangor (IHES).

Sistem Pendidikan Integrasi dan Holistik (IHES) yang dibangunkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ini merupakan satu sistem yang membantu sistem Pendidikan Islam di negeri Selangor. Sistem ini diamalkan di kedua-dua maahad tahfiz sains ini sebagai nilai tambah sistem pendidikan kebangsaan yang sedia ada. Sistem ini juga merupakan suatu pendidikan yang sepadu, seimbang dan menyeluruh melalui pengintegrasian potensi insan, kepelbagaian kurikulum dan media bagi mencapai visi, misi, matlamat, objektif dan falsafah pendidikan Bahagian Pendidikan Islam JAIS berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah untuk melahirkan hamba Allah s.w.t yang diredhai. Budaya amalan pengajaran dan pembelajaran yang berterusan berteraskan al-Quran dan as-Sunnah yang merupakan asas kepada kewujudan keberkatan dalam kehidupan manusia di samping penerapan teori pembelajaran dari pelbagai sumber. Rajah 1.0 menunjukkan Model Pendidikan Bersepadu dan Menyeluruh (IHES) bagi sistem ini.



Rajah 1.0 Model Pendidikan Sepadu dan Menyeluruh (IHES)
 Sumber: (Bahagian Kurikulum Jabatan Agama Islam Selangor, 2014)

Pelaksanaan sistem IHES ini adalah berdasarkan kepada budaya amalan pembelajaran berteraskan berteraskan al-Quran dan as-Sunnah yang merupakan asas kepada kewujudan keberkatan dalam kehidupan manusia di samping penerapan teori pembelajaran dari pelbagai sumber.

Di samping itu terdapat tiga bentuk pendekatan yang digunakan dalam sistem IHES ini iaitu 1; arahan (*instructional*), 2; kajian dan penyelidikan (*investigational*), 3; penghayatan (*immersion*). Manakala terdapat lima proses pendidikan yang berterusan dan konsisten iaitu pertama pengajaran dan pembelajaran kedua bimbingan dan pembelajaran, ketiga adalah latihan dan pembelajaran, keempat adalah nasihat dan pembelajaran dan yang kelima adalah rundingan dan pembelajaran.

Dalam aspek pentaksiran dan penilaian sistem IHES ini bukan semata-mata berfokuskan kepada peperiksaan tetapi memberi tumpuan dan fokus yang bersepadu, seimbang lagi menyeluruh dalam membentuk kemenjadian generasi al-Quran yang berasaskan akidah yang mantap. Antara aspek-aspek yang dititikberatkan adalah pertama berkaitan dengan penghayatan ilmu, kedua adalah pembentukan akhlak mulia, ketiga adalah peningkatan kecekapan dan kemahiran, keempat adalah pencapaian akademik manakala yang terakhir adalah aplikasi dalam kehidupan.

Dalam sistem ini terdapat beberapa modul yang disediakan untuk pembangunan profesionalisme guru antaranya seperti:

1. Program latihan pengenalan Sistem Pendidikan Integrasi dan Menyeluruh (IHES)

Program ini membincangkan tentang sistem IHES yang merangkumi dari aspek matlamat, keperluan, visi, misi dan falsafah pembentukan sistem ini yang memberi nilai tambah kepada sistem pendidikan JAIS.

2. Program Mengenal Diri

Program ini disusun bagi membuka ruang untuk guru-guru mensyukuri kejadian sebagai hamba Allah S.W.T di muka bumi sebagai ciptaan Allah S.W.T yang terbaik. Program ini juga mengajak bermuhasabah tentang kelemahan dan kesilapan diri serta berusaha memperbaiki diri guru agar menjadi lebih baik dari hari ke hari.

3. Program *Craftmanship* dalam Berfikir

Melalui program-program ini diharapkan setiap guru dan staf memahami visi dan misi institusi serta matlamat sebenar pendidikan Islam. Kefahaman ini perlulah berdasarkan definisi Pendidikan Islam dari sumber al-Quran dan as-Sunnah. Guru-guru juga diharapkan berfikir secara kritis dan kreatif dalam merancang setiap gerak tindakan mereka sejajar dengan falsafah, matlamat, definisi dan hala tuju pendidikan JAIS.

4. Program *Quranic Generation Development Programme*

Ia memberi fokus kepada menjana generasi al-Quran yang berteraskan kepada kemenjadian (*Outcome Based Learning*) yang membudayakan amalan pembelajaran (*Learning Practice*) berterusan berbanding hanya teori pembelajaran merupakan pelengkap dan tambah nilai kepada sebahagian sistem pendidikan yang berfokuskan kepada peperiksaan atau kecemerlangan akademik. Di samping itu matlamat dan objektif program ini adalah untuk melahirkan generasi al-Quran yang mempunyai tujuh ciri atau sifat kemenjadian iaitu:

1. Tauhid atau akidah sebagai asas kehidupan yang diredhai Allah S.W.T
2. *Tazkiyah* iaitu mempunyai hati yang kembali kepada fitrah.
3. *Hikmah* iaitu kesesuaian dengan al-Quran dan as-Sunnah.
4. *Istiqamah* adalah berpendirian teguh, stabil dan mantap.
5. *Muamalah* adalah individu yang berkemahiran komunikasi dan interaksi.
6. *Deen* adalah individu yang menjadi Islam sebagai sistem kehidupan yang lengkap.
7. Amanah kepada matlamat dan peranan hidup.

Pemeriksaan Sistem Pendidikan Holistik Tahfiz Sains

Terdapat beberapa cadangan untuk memperkasakan sistem pendidikan holistik tahfiz sains antaranya adalah seperti berikut:

1. Model Pembangunan Pelajar mengikut Tahap Pendidikan Pelajar Tahfiz-Agama, emosi, fizikal, kemahiran dan fizikal.

Pelan pembangunan pelajar tahfiz perlu menitikberatkan aspek pengetahuan dan integrasi ilmu Islam dan ilmu konvensional, kemahiran akidah, intelektualisme dan kognitif, kemahiran abad millennium, keusahawanan, kepimpinan, akhlak, adab, etika dan kerohanian, patriotisme, aspek spiritual, sukan, rekreasi, khidmat komuniti, khidmat sosial dan kemasyarakatan dan lain-lain. Semua dasar dan pelaksanaannya boleh dikekalkan berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN). (Amini Amir Abdullah, 2017). Pernyataan ini juga menjurus kepada keperluan sistem pendidikan tahfiz yang lebih bersepadu dan holistik seperti yang dijalankan di MTS 1 dan 2.

2. Persijilan Kemahiran Kebangsaan (SKM)

Salah satu langkah positif yang telah dilaksanakan ialah pendidikan pondok dan madrasah tahfiz perlu mengambil pendekatan menyediakan peluang pekerjaan dan profesyen kepada lepasan pendidikan tahfiz al-Quran untuk membekalkan sumber manusia berkemahiran tinggi. Ini adalah langkah dan strategi yang berterusan dan sistematik untuk mencipta ruang pasaran sebagai komplementari antara satu madrasah dengan madrasah yang lain (Musa Ahmad, 2017).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian telah menunjukkan bahawa pendidikan holistik dilihat bersesuaian diterapkan di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor bagi memastikan Sistem Pendidikan Integrasi Dan Holistik Negeri Selangor (IHES) dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan sistematik kerana dengan kaedah kolaborasi dilihat membantu guru dalam mengintegrasikan ilmu *aqli* dan *naqli* dalam kedua-dua bidang ilmu iaitu Pendidikan Islam dan Sains. Kaedah ini dapat meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Maahad Tahfiz Sains (MTS) Negeri Selangor bagi mencapai matlamat yang disasarkan.

RUJUKAN

Abdul Halim el-Muhammady. 1991. *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.

Amini Amir Abdullah. (2017). Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN): Perancangan dan Harapan. Prosiding Bengkel Pendidikan Islam Nasional 2017. Memperkasakan Pendidikan Islam, Menjana Modal Insan Berpersonaliti Unggul. Hotel Putra, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Bahagian Kurikulum Jabatan Agama Islam Selangor. (2014). Kurikulum Pendidikan Islam Jais. Shah Alam: JAIS.

- Che Noraini Hashim & Hasan Langgulung. (2008). Islamic Religious Curriculum in Muslim Countries: The Experiences of Indonesia and Malaysia. *Bulletin of Education & Research* June 2008, Vol. 30, No. 1, pp. 1-19.
- Musa Ahmad.(2017). Pendidikan Sekolah Pondok dan Madrasah Tahfiz al-Quran di Malaysia: Realiti dan Relevansi: Prosiding Bengkel Pendidikan Islam Nasional 2017. *Memperkasa Pendidikan Islam, Menjana Modal Insan Berpersonaliti Unggul*.Hotel Putra, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1993. *Islam dan Sekularisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib Al-Attas. 1977. *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- Ingram, J.B. 1979. *Curriculum Integration and Lifelong Education*. Oxford: Pergamon Press.
- Mohd. Kamal Hasan.1981. *Konsep Pendidikan Islam dalam Pendidikan Koleksi Dakwah*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Mohd Kamal Hasan. 1985. Al-Quran dan sains. Kertas kerja Seminar Falsafah dan Sejarah Sains Islam. Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia. UKM, 19-21 Julai.
- Mohd. Kamal Hasan.1993. *Konsep Pendidikan Islam dan Matlamat Persekolahan Agama dan Arab di Malaysia dalam Pendidikan Islam Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Hisham Nawi. 2008. Pembinaan garis panduan bagi pembentukkurikulum teras Fardhu Ain di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Hisham Nawi. 2011. *Konsepsualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam*. Perak: UPSI.
- Noor Hisham Nawi. 2013. *Falsafah Ilmu*. Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan.
- Shaharir Mohamad Zain. 1987. Pendidikan Sains terkamir di peringkat universiti. Dlm. Tajul Ariffin Nordin & Abdul Raof Dalip (penyt.). *Pendidikan Sepadu*, hlm. 37-47. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tajul Ariffin Nordin & Abdul Raop Dalip. 1986. *Pendidikan Sepadu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor ‘Aini Dan. 2002a. *Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu*. Bandar Baru Bangi: As-Syabab Media.

TENTANG PENULIS

Zetty Nurzuliana Rashed merupakan pensyarah kanan di Jabatan Asas Kemanusiaan dan Perkaedahan, Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Ab. Halim Tamuri merupakan Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Siti Suhaila Ihwani merupakan pensyarah kanan di Universiti Teknologi Malaysia.

Norsaleha Mohd Salleh merupakan pensyarah kanan Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Julia Madzalan merupakan pensyarah di Jabatan Pengurusan dan Pendidikan Bahasa, Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.